

U GB 21-01 00162 BA688

aab

Mahathir - Industri (Bergambar)

UMAT ISLAM PERLU LUPAKAN ISU-ISU KECIL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam kerap terpesong oleh perkara-perkara tetek-bengek sehingga terlupa terhadap masalah dan kewajipan yang lebih besar.

Perdana Menteri berkata sebagai contoh, umat Islam sering memberi tumpuan kepada isu-isu yang remeh tanpa memperdulikan perkara besar seperti kebolehan dalam bidang industri.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa industri yang diuruskan semata-mata untuk kekayaan tanpa memikirkan khidmat kepada masyarakat adalah tidak begitu baik.

"Tetapi pengusaha Islam boleh juga mengutamakan aspek khidmat kepada masyarakat yang boleh diberikan oleh industri," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Islam dan Perindustrian anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Dalam hal ini beliau menegaskan tentang pentingnya keuntungan yang dimiliki diperuntukkan bagi penyelidikan dan pembangunan supaya khidmat yang diberi oleh industri bertambah baik dan lebih murah. -- Lagi.

▼21/01/12-25MST

U GB 21-01 00201 BA689

aab

Mahathir - Industri 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata ini tidak bermakna industri untuk orang Islam patut menjadi "charity" kerana keuntungan yang halal dan berpatutan tidak ditegah oleh agama walaupun aspek khidmat boleh diutamakan bagi memastikan sektor itu lebih mudah diterima oleh masyarakat Islam.

"Walaupun apapun pendirian orang Islam terhadap industri, kita harus ingat bahawa industri yang dikuasai oleh orang bukan Islam, walaupun tidak mempunyai tujuan agama, membolehkan mereka menghancurkan orang Islam," katanya sambil menjadikan keadaan di Bosnia-Herzegovina dan Asia Barat sebagai contoh.

Beliau yakin dengan menganggap industri sebagai satu khidmat kepada masyarakat dan agama dan tidak hanya memberi tumpuan kepada keuntungan besar dan kekayaan, umat Islam akan lebih maju dalam sektor itu kerana mampu menyediakan sesuatu yang cangguh, bermutu dan berpatutan harganya.

Untuk itu, kata Perdana Menteri, umat Islam harus memandang industri sebagai satu alat untuk memperkuatkan umat dan negara-negara Islam supaya mereka lebih dihormati dan lebih mampu mempertahankan diri mereka.

"Umat Islam yang daif tidak dapat menyumbang sebarang kebaikan kepada agama Islam. Sebaliknya penguasaan segala industri serta beribu-ribu jenis ilmu yang diperlukan untuk industri akan menjadikan umat Islam dan agama Islam lebih dihormati." -- Lagi.

▼21/01/12-31MST

U GB 21-01 00190 BA690

aab

Mahathir - Industri 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata pandangan negatif orang Islam terhadap industri bukan sahaja tidak menguntungkan tetapi sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam dan sudah tiba masanya sikap itu diubah bagi membentuk pendekatan yang betul-betul Islam terhadap sektor itu.

Ini adalah kerana pada masa kini sektor industri dianggap sebagai sejenis perniagaan untuk mencari keuntungan berlebihan dan pengusaha pula sebagai manusia tamak yang hanya memberi perhatian kepada kehidupan mewah tanpa agama.

Di samping itu, anggapan bahawa semua jenis industri adalah tidak Islam atau memesongkan manusia daripada membuat apa yang ditakrifkan sebagai ibadat dalam Islam adalah disebabkan kepercayaan kononnya setiap usaha mencari harta kekayaan melibatkan penipuan dan penyelewengan, kata beliau.

Beliau yakin jika tanggapan itu dapat diubah, pelbagai usaha dapat dilakukan untuk memastikan umat Islam memiliki dan menguruskan industri dengan berkesan dan memanfaatkan agama dan umat.

Perdana Menteri turut memberikan contoh beberapa ibadat yang sukar dilakukan tanpa industri seperti industri penenunan kain, yang penting untuk kesempurnaan bersembahyang dan menutup aurat, serta industri "aero-space" bagi membolehkan lebih ramai umat Islam menunaikan fardu haji di Makkah. -- Lagi.

▼21/01/12-39MST

CNS9907

R GB 21-01 00149 BA692

aab

Mahathir - Industri 4 Kuala Lumpur

Beliau juga menarik perhatian tentang kewajipan masyarakat Islam membuat persediaan pertahanan yang sesuai kerana industri itu amat penting bagi umat Islam.

"Segala ciptaan, pengeluaran dan perbekalan alat-alat pertahanan ini adalah kewajipan bagi mereka yang berpegang kepada ajaran al-Quran," kata beliau.

Malangnya, kata Dr Mahathir, oleh kerana umat Islam tidak memberi penekanan kepada industri, maka industri pertahanan yang canggih tidak dapat diadakan kerana ia tidak boleh wujud tanpa beribu-ribu jenis industri lain.

Akibat pandangan serong terhadap industri dan anggapan bahawa kemajuan industri tidak ada kena-mengena dengan Islam, tidak ada negara Islam yang berkemampuan daripada segi ketenteraan yang canggih dan kuat untuk membantu umat Islam di Bosnia yang ditindas oleh Serbia.

Ini semua adalah kerana pengusaha industri tidak dimuliakan oleh masyarakat Islam atau diiktiraf sebagai penyumbang kepada kesejahteraan Islam, katanya. -- Lagi.

▼21/01/12-43MST

CNS9918

R GB 21-01 00173 BA693

aab

Mahathir - Industri 5 Kuala Lumpur

Dalam hal ini, Perdana Menteri memberi beberapa contoh keadaan tersebut seperti keengganan ulama pada zaman silam membuat fatwa bahawa mencetak al-Quran adalah tidak ditegah oleh agama hingga menyebabkan umat Islam, termasuk guru-guru agama, tidak dapat membaca atau memiliki kitab suci itu selama beberapa abad.

Fatwa itu dibuat akibat daripada pandangan yang silap dan keadaan yang serupa berlaku kepada sektor industri, yang tidak mendapat tumpuan dan sokongan daripada sudut keagamaan kerana pandangan yang salah, katanya.

Bagaimanapun, sambil menekankan pentingnya industri bagi agama dan amal ibadat Islam, Perdana Menteri juga mengingatkan umat Islam bahawa sektor itu boleh membawa keburukan jika disalahgunakan.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, industri percetakan boleh disalahgunakan untuk mencetak bahan lucah dan ini semua berlaku kerana kesalahan orang yang mengusahakannya.

"Jika semua ciptaan baru dalam industri ini dibuat oleh orang Islam yang sedar bahawa industri adalah suatu khidmat kepada masyarakat, maka mungkin mereka dapat mencipta cara-cara bagi mencegah penyalahgunaan industri ini."

-- Lagi.

▼21/01/13-01MST

CNS9921

R GB 21-01 00137 BA694

bah

Mahathir - Industri 6 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata selain daripada itu jika industri berkenaan hanya dimiliki oleh umat Islam, ia boleh membekalkannya dengan bersyarat atau tidak membekalkannya langsung kepada orang yang diketahui berniat buruk.

"Demikianlah apabila negara-negara Islam dibekalkan dengan senjata oleh orang lain, penggunaan senjata ini tidak lagi bebas, tetapi adalah bersyarat."

Perdana Menteri mengakui bahawa selama ini umat Islam tidak menganggap sektor industri "sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada agama Islam, atau kepada umat Islam atau kepada amalan agama Islam".

"Kita berpendapat bahawa tanpa industri kita boleh menjadi orang Islam, bahkan orang Islam yang baik," kata beliau.

Persidangan dua hari itu, yang dianjurkan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, dihadiri oleh 200 orang, termasuk peserta bukan Islam. -- Bernama.

▼21/01/13-06MST